

(26 Mei 2022) - Sinar Harian, P9

KL banjir kilat lagi

Hujan lebat hampir dua jam menyebabkan sembilan lokasi di sekitar ibu negara ditenggelami air

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR

Hujan lebat sejak jam 10.30 pagi dan berterusan hampir dua jam pada Rabu menyebabkan beberapa laluan di sekitar ibu negara dinaiki air.

Menerusi Facebook Polis KL memaklumkan, setakat jam 12.20 tengah hari, sebanyak sembilan lokasi terjejas iaitu Jalan Sultan Azlan Shah dari arah Jalan Ipoh, Jalan Imbi ke arah Jalan

Sultan Ismail, Jalan Ipoh/Jalan Rahmat, Jalan Sultan Ismail/ Ampang dan Jalan Kampar off Jalan Sentul.

Menurut kenyataan itu, lokasi lain turut terjejas ialah Bulatan Dato, Kampung Periuk, Jalan Duta Mas dan Jalan Ampang serta Jalan Dang Wangi.

Ketua Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh berkata, pihaknya dan petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertungkus-lumus mengawal lalu lintas dan melakukan kerja-kerja mengeluarkan air di beberapa lokasi di sekitar ibu kota.

“Seramai 60 pegawai dan anggota JSPT Kuala Lumpur berada di lokasi dinaiki air sejak pagi tadi (Rabu),” katanya.

Sarifudin berkata, hujan lebat menyebabkan banjir selama 30 minit di Jalan Ampang berhampiran KLCC berikutan saluran longkang ter-

sumbat,” katanya.

Menurutnya, antara laluan yang dilaporkan dinaiki air disebabkan saluran air yang tersumbat adalah di Jalan Ampang dan Jalan Dang Wangi.

“Berdasarkan pemantauan kita mendapati air naik sehingga 0.6 meter namun keadaan kini terkawal,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya memaklumkan, tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku semasa hujan lebat di sekitar Kuala Lumpur.

“Sehingga jam 1.30 petang air di semua kawasan yang mengalami banjir telah surut selepas hujan mula reda,” katanya.

Beliau berkata, terdapat lapan lokasi *hotspot* yang sering berlaku banjir diberikan perhatian serius sebaik hujan lebat melanda Kuala Lumpur,” katanya.



Anggota polis trafik mengawal lalu lintas di lokasi banjir sekitar ibu kota pada Rabu.



Petugas DBKL membersihkan saluran yang tersumbat di Jalan Besar Kepong.



Para petugas DBKL bersama jentera bertungkus-lumus mengalihkan air bertakung dan kawalan lalu lintas di Jalan Dutamas.



Anggota polis memantau lokasi *hotspot* yang sering berlaku banjir di ibu kota pada Rabu.